

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HMA 101 - Pengantar Pengajian Bahasa Melayu

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. SAMA ADA

- (a) Dengan menggunakan gambar rajah yang jelas, buat pemerian (deskripsi) penghasilan DUA fonem likuida [l dan r] bahasa Melayu.

ATAU

- (b) Dengan memberikan contoh jelaskan perbezaan di antara fonem [ v ] dan fonem [ g ]. Sediakan contoh dan gambar rajah dengan jelas.

2. SAMA ADA

- (a) Di dalam perbincangan mengenai imbuhan, lambang N dan R digunakan untuk menunjukkan fenomena asimilasi fonem. Dengan contoh yang sesuai sila kemukakan semua perubahan yang berlaku pada N dan R.

ATAU

- (b) Di dalam kata kerja majmuk dikenali istilah Kata Kerja Majmuk Endosentrik Sintaktik, contoh: "ikat mati, tolak tepi" dan Kata Kerja Majmuk Eksosentrik Semantik, contoh: "tumbuk rusuk, gulung tikar". Kemukakan lima perkataan lain yang termasuk Kata Kerja Majmuk Endosentrik Sintaktik dan lima perkataan lain Kata Kerjamajmuk Eksosentrik Semantik. Nyatakan bagaimanakah cara untuk membezakan kedua-dua kata majmuk ini.

3. SAMA ADA

- (a) Abdullah Hassan (1980) mengemukakan 6 pola ayat dalam bahasa Melayu, iaitu:
- i. KN + KN
  - ii. KN + KK Tak Transitif
  - iii. KN + KS
  - iv. KN1 + KK Transitif + KN2
  - v. KN + Ada / Punya + KN
  - vi. Ada + KN + KAdv

Bagi setiap satu pola sediakan satu [1] contoh ayat dan berdasarkan 6 pola di atas, sila kemukakan pola baru yang lebih sederhana tetapi menyeluruh dan sediakan satu [1] ayat bagi setiap pola baru yang diwujudkan itu.

ATAU

- (b) Ramai ahli bahasa yang berpendapat bahawa ayat dasar bahasa Melayu terdiri daripada pola Subjek (S) dan Predikat (P). Perhatikan peribahasa Melayu yang berikut ini.

Ada udang disebalik batu.

(Abdullah Hassan, 1992:2)

Berdasarkan contoh ayat ini sila beriuraian tentang subjek dan predikat yang dinyatakan di atas.

4. SAMA ADA

- (a) Semantik merupakan satu komponen dalam linguistik yang berkait rapat dengan fonologi, morfologi dan sintaksis. Bincangkan kaitan setiap sub-bidang ini dengan semantik dan nyatakan dengan jelas hubungan di antara perkataan di bawah:

Contoh: bimbit, jinjing, bawa, junjung, angkut

ATAU

- (b) Huraikan maksud konsep berikut dan sertakan contoh.

- i. medan makna
- ii. kolokasi

5. SAMA ADA

- (a) Menurut Asmah (1985):

"Setiap bahasa perlu dibiarkan berkembang mengikut arusnya tersendiri dan tidak perlu dirancang".

Huraikan pernyataan ini dari sudut perancangan bahan atau korpus bahasa Melayu di Malaysia dan huraikan bagaimana penggunaan sesuatu istilah dapat diselaraskan.

ATAU

- (b) Tulis nota pendek bagi topik di bawah ini dan sediakan contoh yang tepat dan sesuai bagi setiap satu.

- i. Pencemaran bahasa
- ii. Kreol
- iii. Slanga

6. SAMA ADA

- (a) Kanak-kanak tidak menguasai bahasa dengan hanya menyimpan kesemua perkataan atau ayat dalam sesuatu kamus minda mereka. Senarai perkataan tersebut adalah terhad dan tidak terdapat kamus yang boleh menyimpan kesemua ayat yang tidak terhad pula bilangannya. Bincangkan pernyataan tersebut dari sudut pemerolehan bahasa pertama.

ATAU

- (b) Kanak-kanak menguasai bahasa dengan mempelajari nahu bahasa tersebut: rumus-rumus fonologi, morfologi dan sintaksis. Tiada sesiapa pun mengajar mereka rumus tersebut, tapi mereka dapat menguasainya dengan baik. Bincangkan.